PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACR - 2101
INVC. nms 6/12/01

# TEKANAN DAN KEPUASAN KERJA DI KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI KOTA BHARU, KELANTAN

**Laila binti Hassan**

**Laporan Penyelidikan Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan**

**2000**

Perpustakaan Universiti Malaya
A510355190

# ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap tekanan kerja, tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru dan tahap komitmen guru sekolah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti punca-punca yang membawa tekanan kepada guru. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap tekanan kerja, tahap kepuasan kerja dan tahap komitmen guru dari segi jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.

Kajian ini melibatkan seramai 150 orang guru yang mewakili lima belas buah sekolah di sekitar daerah Kota Bharu. Data-data telah diperolehi dengan menggunakan kaedah soal selidik.

Dapatan kajian menunjukkan tahap tekanan yang dialami oleh guru pada keseluruhannya adalah di tahap sederhana tertekan. Dalam tahap kepuasan kerja, dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih ramai guru menyatakan bahawa tahap kepuasan kerja mereka adalah di tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga mendapati sebahagian besar daripada guru ini menunjukkan tahap komitmen yang tinggi terhadap profesion guru.

Lima punca utama yang boleh menyebabkan tekanan kepada guru ialah terlalu banyak kerja perkeranian, terpaksa menangani pelajar-pelajar yang berkelakuan buruk, sikap pelajar terhadap kerja sekolah, terpaksa mengajar kelas yang besar, kekurangan masa untuk berehat dan bersantai akibat daripada jadual waktu yang berat.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan. Namun demikian tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan yang dialami oleh guru sama ada dari segi pengalaman mengajar atau kategori kelas yang diajar.

Demikian juga, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kepuasan kerja guru sama ada dari segi jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.

Analisa menunjukkan bahawa guru lelaki menunjukkan tahap komitmen yang tinggi berbanding guru perempuan. Begitu juga terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun dan guru yang mengajar lebih daripada 4 tahun. Walau bagaimana pun tidak terdapat perbezaan dalam tahap komitmen guru dari segi kategori kelas yang diajar.

# ABSRACT

## JOB STRESS AND JOB SATISFACTION AMONG SECONDARY SCHOOL TEACHER IN KOTA BHARU, KELANTAN

The purpose of this study is to identify the levels of job stress, job satisfaction and teacher's commitment in the district of Kota Bharu, Kelantan. It is also to identify the sources that lead to stress among teachers. In addition, this study is to overview the different levels of job stress, job satisfaction and teacher's commitment according to gender, working experience and classes taught.

The study is in the form of a survey using questionnaires which involve a sample of 150 teachers in 15 secondary schools in the district of Kota Bharu.

The findings indicate there is a medium levels of stress among teachers but in the other hand, they have a high level of job satisfaction. It is also found that majority of teachers show a high level of commitment in teaching.

Five main factors that contribute to stress are too much clerical work, handling student problems, negative attitude from students towards school work, teaching in the large classes, limited resting time due to heavy working schedule.

Findings also show a significant difference in the levels of stress faced by the male and female teachers. However, there is no significant difference in the levels of stress faced by the teacher in relation to teaching experience or the level of classes taught by the teacher.

The result shows no significant differences in the levels of job satisfaction among teacher in relation to gender, teaching experience and categories of classes taught.

Analysis shows that male teachers have a high levels of commitment compared to female teachers. There is also a significant difference in the levels of commitment between teachers with 1-3 years of working experience and teachers with more than 4 years of working experience. Nevertheless, there is no significant difference in the levels of commitment in relation to the categories of classes taught.

# PENGHARGAAN

Kesyukuran yang tidak terhingga penulis panjatkan kehadrat Allah swt kerana memberikan kekuatan untuk menyiapkan kajian ini. Dikesempatan ini penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan kajian terutamanya kepada penyelia iaitu Profesor Dr. Suradi Salim atas tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan.Semoga Allah melimpahkan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada pengetua dan guru kanan sekolah yang membantu mengedarkan borang soal selidik serta ribuan terima kepada guru-guru sekolah yang terlibat dalam kajian.

Ribuan terima kasih penulis ucapkan kepada pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan yang banyak memberikan bantuan, nasihat dan dorongan kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini terutamanya Kak Lin dan Aisyah Mat Dan. Pertolongan dan bantuan serta jasa baik kalian hanya Allah yang dapat membalasnya.

Akhir sekali ucapan terima kasih buat kedua-dua ayahanda dan bonda serta suami tercinta di atas dorongan yang diberikan serta pengorbanan yang kalian lakukan sehingga penulis berjaya menyiapkan kajian ini. Untuk adik-adik yang masih belajar dan anak-anak yang sering ditinggalkan, semoga perjuangan ini diteruskan.

**KANDUNGAN**

**MUKA**

**SURAT**

**BAB SATU : PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Penyataan masalah 6

1.3 Tujuan Kajian 9

1.4 Soalan kajian 10

1.5 Kepentingan kajian 10

1.6 Definisi istilah 13

1.7 Batasan kajian 15

**BAB DUA : TINJAUAN TERHADAP KAJIAN BERKAITAN**

2.1 Pengenalan 17

2.2 Konsep tekanan 18

2.3 Konsep kepuasan kerja 19

2.4 Hubungan antara tekanan kerja dan kepuasan kerja 21

2.5 Tahap tekanan kerja guru 22

2.6 Perbezaan tahap tekanan dan jantina 25

2.7 Tahap tekanan dan pengalaman mengajar 28

2.8 Tahap tekanan dan kelas yang diajar 29

2.9 Punca-punca yang membawa tekanan kepada guru 29

2.10 Komitmen terhadap profesion guru 39

**BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan 40

3.2 Sampel kajian 40

3.3 Instrumen kajian 41

3.4 Prosedur kajian 45

3.5 Analisis data 45

**BAB EMPAT : DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 47

4.2 Latar belakang sampel 48

4.3 Tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru 49

4.4 Tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru 50

4.5 Tahap komitmen guru 52

4.6 Punca tekanan kerja guru 53

Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami mengikut jantina 58

4.7 Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami mengikut pengalaman mengajar 59

4.9 Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami mengikut kelas yang diajar 61

4.10 Perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami mengikut jantina 62

4.11 Perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami mengikut pengalaman mengajar 63

4.12 Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami mengikut kelas yang diajar 64

4.13 Perbezaan tahap komitmen guru mengikut jantina 65

4.14 Perbezaan tahap komitmen guru mengikut pengalaman mengajar 66

4.15 Perbezaan tahap komitmen guru mengikut kelas yang diajar 67

**BAB LIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan 69

5.2 Perbincangan

5.2.1 Tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru 71

5.2.2 Tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru 71

5.2.3 Tahap komitmen guru 72

5.2.4 Punca-punca tekanan 73

5.2.5 Perbezaan tahap tekanan kerja mengikut jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar. 75

5.2.6 Perbezaan tahap kepuasan kerja mengikut jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar. 76

5.6.7 Perbezaan tahap komitmen guru mengikut jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar. 77

5.3 Cadangan 78

5.4 Cadangan kajian selanjutnya 81

**BIBLIOGRAFI** **83**

**LAMPIRAN**

1. Borang soal selidik 88

2. Senarai nama sekolah 93

3. Surat kebenaran untuk menjalankan penyelidikan 94

## SENARAI JADUAL

**MUKA SURAT**


| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.1 : | Latar belakang sampel | 48 |
| Jadual 4.2 : | Tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru | 50 |
| Jadual 4.3 : | Tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru | 51 |
| Jadual 4.4 : | Tahap komitmen guru | 52 |
| Jadual 4.5 : | Punca tekanan kerja guru | 54 |
| Jadual 4.6 : | Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami mengikut jantina | 59 |
| Jadual 4.7 : | Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami mengikut pengalaman mengajar | 60 |
| Jadual 4.8 : | Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami mengikut kelas yang diajar | 61 |
| Jadual 4.9 : | Perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami mengikut jantina | 62 |
| Jadual 4.10 : | Perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialam mengikut pengalaman mengajar | 63 |
| Jadual 4.11 : | Perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami mengikut kelas yang diajar | 65 |
| Jadual 4.12 : | Perbezaan tahap komitmen guru mengikut jantina | 66 |
| Jadual 4.13 : | Perbezaan tahap komitmen guru mengikut pengalaman mengajar | 67 |
| Jadual 4.14 : | Perbezaan tahap komitmen guru mengikut kelas yang diajar | 68 |